

## Generasi PdPR: Bagaimana nasib pelajar?



Oleh : Sharifah Fatimah Azzahra Tuan Aizul Fauzi

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 4 Julai 2021*

Pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia ketika ini telah mengubah sistem pendidikan di seluruh dunia kepada kaedah norma baharu.

Sekiranya dahulu aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara konvensional namun kini segalanya telah berubah apabila dunia pendidikan di negara kita beralih kepada kaedah PdP di rumah (PdPR).

Walaupun PdPR sudah dilaksanakan sejak tahun lalu, masih ada segelintir ibu bapa yang menganggap kaedah tersebut gagal kerana kebanyakan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian terhadap apa yang diajar oleh guru-guru sebagaimana ketika mereka berada di sekolah.



Gambar hiasan

Persoalannya, adakah ibu bapa sendiri turut memainkan peranan dalam memantau anak-anak mereka ketika sesi PdPR dijalankan?

Mungkin sesetengah ibu bapa dapat meluangkan masa bersama anak-anak serta membantu mereka ketika sesi PdPR.

Namun, ada juga ibu bapa yang tidak dapat melakukannya secara langsung kerana kebanyakan mereka bekerja selain mempunyai komitmen yang lain.

Justeru, untuk mengharapkan semua ibu bapa turut memantau sesi PdPR anak-anak secara langsung mungkin adalah sesuatu yang agak sukar.

Akhirnya, ramai pelajar yang hilang hala tuju pembelajaran mereka kerana tiada pemantauan khusus daripada guru dan ibu bapa ketika mengikuti pembelajaran dalam talian.

Bagi ibu bapa yang bekerja, sediakan kelengkapan yang cukup untuk anak-anak belajar dan jika berkesempatan, selalu hubungi anak-anak bagi memastikan mereka mengikuti sesi PdPR seperti yang dijadualkan.

Ibu bapa juga perlu banyak berhubung dengan guru subjek tentang perkembangan pembelajaran anak-anak mereka.

Pada Januari lalu, bekas Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, hampir 4.7 juta murid tidak dapat bersekolah dan lebih 413,000 guru perlu mengajar dari rumah dalam situasi pandemik COVID-19.

Beliau berpandangan, para guru dan ibu bapa seharusnya saling melengkapi bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan untuk anak-anak di rumah.

Maszlee juga menyarankan agar mereka berkomunikasi secara terbuka dan bekerjasama tanpa saling menuding jari antara satu sama lain.

Hal ini mungkin agak mencabar bagi ibu bapa, guru-guru serta para pelajar itu sendiri kerana ia memerlukan komitmen yang tinggi bagi menyesuaikan diri dengan kaedah pendidikan norma baharu.

Namun, jika semua pihak dapat memberikan kerjasama yang baik, mungkin semuanya akan menjadi lebih mudah.

Dalam pada itu, tidak kurang juga ada pihak yang menyuarakan kebimbangan mereka terhadap keciciran pelajar yang kurang bernasib baik dan tidak mempunyai peralatan seperti komputer riba, tablet dan lebih-lebih lagi kekurangan kemudahan internet.

Jika hendak dibandingkan dengan sesetengah negara luar, mungkin Malaysia agak jauh ketinggalan.

Menurut data Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), kira-kira 95 peratus pelajar di Switzerland, Norway, dan Austria memiliki kelengkapan komputer untuk digunakan bagi melakukan kerja-kerja sekolah mereka.

Oleh itu, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan serta menyegerakan pakej bantuan peranti dan data yang lebih besar kepada golongan pelajar yang memerlukan.

Pada masa ini, peranti tidak lagi dianggap sebagai barang mewah, tetapi ia merupakan satu keperluan asas untuk pembelajaran.

Baru-baru ini, pendakwah terkenal, Ustaz Ebit Lew turut turun padang menghadiahkan tablet kepada mereka yang memerlukan.

Usaha murni beliau itu sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik untuk meneruskan sesi pembelajaran atas talian dengan baik.

Pelaksanaan PdPR tidak akan dapat mencapai matlamat yang diinginkan sekiranya tiada campur tangan atau kerjasama daripada Kementerian Pendidikan, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar.

Untuk menjayakan proses berkenaan mungkin agak mencabar dan menguji kesabaran, namun bak kata pepatah 'pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang'.

Menyedari hakikat itu, kita semua seharusnya membuang ego masing-masing dan bersatu hati demi kelangsungan sistem pendidikan di negara ini bagi memastikan masa depan anak-anak terjamin.